

# ORIGINAL

## 181st Annual General Conference Sunday Morning Session, April 3, 2011

Bait Suci Tuhan—Tanda kepada Dunia

Presiden Thomas S. Monson

Saudara dan saudari terkasih, Saya meluaskan kasih-sayang dan salam kepada kamu semua dan doa agar Bapa Syurgawi akan membimbing fikiran saya dan inspirasi kata-kata saya semasa saya mengucap hari ini

Biar saya bermula dengan beberapa komen tentang mesej-mesej hebat didengar kita pagi ini daripada Saudari Allred dan Uskup Burton mengenai Program Gereja Kesejahteraan. Seperti yang telah dikatakan, tahun ini adalah tahun 75 sejak permulaan program inspirasi ini. Saya berpeluang untuk kenal secara ramat mereka yang mulai program ini—usaha mereka telah memberkati ramai orang sejak permulaan program ini 75 tahun lepas.

Seperti dikatakan Uskup Burton dan Saudari Allred, Uskup bahagian diberikan tanggung jawab atas orang miskin yang tinggal dalam kawasan bahagian. Saya dulu mempunyai peluang ini ketika saya memimpin sebagai Uskup di Bandaraya Salt Lake atas satu bahagian gereja yang mengandungi seribu lapanpuluh ahli gereja termasuk lapan puluh empat janda. Ada ramai yang perlu bantuan. Saya sangat bersyukur atas program gereja kesejahteraan dan juga untuk bantuan Lembaga Pertolongan serta korum-korum imamat.

Uskup Burton menunjukkan bahwa kita tidak memberi tolongan saja, tetapi Program Gereja Kesejahteraan mengajar orang untuk mengurus diri sendiri, berkerja, menjaga duit dan mengurus keluarga.

Selain bantuan yang diberikan ahli gereja, kami memberi bantuan kepada mereka yang mengalami kemalangan alam di seluruh dunia. Selama bertahun-tahun kita telah memberi bantuan kepada orang dalam masa kemalangan dan masa krisis. Sekarang, kita berdoa untuk mereka yang menderita di Negara Jepun disebabkan oleh gempa bumi dan tsunami. Kami sudah memberi bantuan yang murah hati kepada usaha bantuan yang sedang dilakukan, bantuan kami akan teruskan. Kami telah membantu orang di

tempat-tempat lain juga. Bantuan kita akan diberikan kepada siapapun yang memerlukannya dan pada bila-bila masa. Kami melakukan tanggung jawab kita dengan tekun untuk memelihara orang miskin.

Saya menyatakan bahwa Program Gereja Kesejahteraan dari Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir adalah inspirasi Tuhan.

Saudara dan saudari, majlis ini adalah tiga tahun sejak saya disokong sebagai Presiden Gereja. Masa itu telah sangat sibuk, penuh dengan cabaran dan juga berkat-berkat yang tak terhitung. Peluang saya untuk menyucikan bait suci dan menyucikan bait suci kembali merupakan berkat-berkat yang paling khudus, Hari ini saya ingin mengucap tentang bait suci Tuhan.

Selama Konferensi Oktober tahun 1902, hampir seratus Sembilan tahun lepas, Presiden Gereja Josef F. Smith menyata dalam ucapan pembukanya bahwa dia mengharap suatu hari kita ada “bait suci di berbagai tempat di mana-mana diperlukan ahli gereja di dunia.<sup>1</sup>

Selama seratus limapuluh tahun berikut pendirian gereja, dari tahun 1830 ke 1980, dua puluh satu bait suci telah dibina, termasuk bait suci di Kirtland, Ohio, dan juga Nauvoo, Illinois. Membandingkan nombor itu dengan tiga puluh tahun sejak 1980—sampai hujung tahun lepas—dalam masa itu seratus limabelas bait suci telah dibina dan dipersucikan. Dengan kenyataan kemarin dari tiga bait suci baru, ada dua puluh enam bait suci yang sedang dibina. Nombor itu akan terus bertambah.

Gol Presiden Smith dari tahun 1902 sedang dipenuhi. Kami ingin sebanyak mungkin ahli gereja untuk dapat pergi ke bait suci.

Salah satu bait suci yang sedang dibina adalah di Manaus, Brazil. Bertahun-tahun lalu saya telah membaca satu cerita tentang lebih daripada seratus ahli yang berangkat dari Manaus, Kampung mereka ditempatkan di pusat Hutan Amazon, untuk membuat perjalanan empat ribu batu ke Bait Suci Sao Paolo, Brazil. Pertama-tama mereka telah pakai kapal selama empat hari mengikut Sungai Amazon, kerana tiada jalan di sana. Lalu mereka naik bas dengan ramai orang dan telah berjalan tiga hari lagi atas jalan yang tidak rata. Semasa perjalanan itu mereka tiada tempat tidur. Selepas tujuh hari mereka sampai di Bait Suci Sao Paolo di mana tata-cara kekal dilakukan. Perjalanan pulang mereka sama susah. Walaupun itu, mereka telah terima tata-cara serta berkat-berkat Bait Suci, dan walaupun mereka miskin, mereka juga dipenuhi dengan semangat Bait Suci dan mereka juga penuh dengan kesyukuran atas berkat-berkat diterima mereka.<sup>2</sup> Bertahun-tahun telah berlalu sudah dan ahli gereja di Manaus bersukacita semasa mereka melihat bait-suci dibina di tepi sungai rio negro. Bait suci membawa kesukaan kepada mereka yang beriman di mana saja bait suci itu dibina.

Cerita-cerita dari orang yang mengorban harta mereka untuk menerima berkat-berkat bait suci selalu menyentuh hati saya dan menguatkan perasaan syukur saya atas bait-suci.

Satu cerita lagi melibatkan Tihi dan Taraina Mou Tham dan sepuluh anak mereka. Keluarga mereka masuk gereja pada tahun 1960 apabila orang misionari datang pulau mereka yang terletak seratus lima puluh batu ke selatan dari Tahiti. Mereka telah inginkan berkat-berkat sealing keluarga dari bait suci.

Pada masa itu, bait suci yang paling dekat kepada mereka terletak di Hamilton, New Zealand. Tiga ribu lima ratus batu ke selatan barat. Perjalanan itu memerlukan perjalanan pesawat mahal. Keluarga Mou Tham bekerja di ladang kecil dan tidak mempunyai duit cukup untuk tambang pesawat, di pulau mereka tiada kerja yang lain. Saudara Mou Tham dan anaknya Gerard telah memutuskan untuk bekerja di galian nikel di New Caledonia tiga ribu batu ke barat. Majikan mereka membayar tambang mereka datang ke galian, tetapi mereka dipaksa membayar tambang pulang.

Tiga lelaki Mou Tham bekerja keras selama empat tahun di galian nikel, penggalian dan memuatkan bijih berat ke lori. Saudara Mou Tham pulang rumah sekali setahun untuk melawat keluarganya, anak lelakinya tidak dapat datang.

Selepas empat tahun di galian nikel, Saudara Mou Tham dan anak lelakinya telah mengumpul duit cukup untuk membawa keluarga mereka ke Bait Suci New Zealand. Mereka semua telah pergi kecuali satu anak perempuan. Mereka dimeteraikan untuk selama-lamanya, pengalaman mereka adalah yang tak terlukiskan. Mereka tinggal di Bait Suci selama dua minggu untuk melayani lelehur mereka.

Selepas mereka pulang dari Bait Suci Brother Mou Tham kembali untuk kerja di New Caledonia, di mana dia bekerja dua tahun lagi untuk membayar tambang anak perempuan dan suaminya supaya mereka dapat pergi ke bait suci.

Bertahun-tahun lepas, Saudara dan saudari Mou Tham ingin melayani di Bait Suci. Masa itu Bait Suci sudah dibina di Papeete Tahiti. Saudara dan Saudari Mou Tham melayani dua misi di sana.<sup>3</sup>

Saudara dan saudari, bait suci adalah lebih daripada sebuah bangunan saja. Bait Suci dipenuhi dengan orang yang beriman dan berpuasa. Bait Suci dibina dengan cabaran dan kesaksian. Bait suci dipersucikan oleh korban dan pelayanan orang.

Bait suci pertama untuk dibina dalam zaman ini telah dibina di Kirtland, Ohio. Tuhan memerintahkan, “Aturlah dirimu, persiapkanlah segala hal dan bangunlah sebuah rumah, yaitu rumah untuk berdoa, rumah untuk berpuasa, rumah dengan iman, rumah pengetahuan, rumah kemuliaan, rumah ketertiban, rumah Allah.” Ahli-ahli gereja sangat miskin masa itu, tetapi walaupun itu mereka diperintahkan untuk membina Bait Suci, jadi mereka membinanya. Kebanyakan mereka hanya dapat menyumbang iman mereka dan kesanggupan mereka untuk bekerja keras. Penatua Heber Kimball telah menulis, “Tuhan saja tahu kemiskinan, cabaran, dan kesusahan yang dihadapi kita semasa kita menyiapkan Bait Suci ini.”<sup>4</sup> Dan selepas Bait Suci mereka disiapkan, mereka telah dipaksa berpindah dari Ohio dan Bait Suci mereka. Mereka pindah ke Illinois di tepi sungai Mississippi. Mereka telah panggil tempat itu Nauvoo dan mereka mulai membina Bait Suci lagi. Mereka dianiaya dan terpaksa berpindah sekali lagi selepas Bait Suci Nauvoo disiapkan. Mereka diusir keluar dari rumah tangga mereka sekkali lagi. Mereka pindah ke gurun ini. Satu tempat yang tidak diinginkan oleh orang.

Usaha mereka mulai sekali lagi ketika mereka bekerja empat puluh tahun untuk membina Bait Suci yang terletak ke selatan kami yang berada di Pusat Konferensi hari ini.

Pembinaan Bait Suci memerlukan korban dan menghadiri Bait Suci juga memerlukan korban. Orang tak terhitung yang telah bekerja keras dan berusaha untuk mendapat bagi diri mereka serta keluarga mereka berkat-berkat yang ditemui dalam Bait Suci Tuhan.

Kenapa mereka bekerja dan berusaha begitu? Kenapa begitu ramai orang mahu korban untuk menerima berkat Bait Suci? Mereka yang memahami berkat-berkat kekal yang datang dari menghadiri Bait Suci juga tahu bahwa tiada korban yang terlalu besar, tiada harga yang terlalu tinggi, tiada usaha yang terlalu susah untuk menerima berkat Bait Suci. Tiada kejauhan yang terlalu jauh, tiada cabaran yang terlalu sukar. Segala penderitaan boleh dihadapi. Mereka memahami bahwa hanya melalui tata-cara tata-cara Bait Suci serta kepatuhan kepada perintah Tuhan, boleh mereka menjadi paling gembira dalam hidup ini dan hidup yang akan datang.

Tata-cara tata-cara penyelamatan yang diterima di Bait Suci memungkinkan kita untuk kembali kepada Bapa Syurgawi dalam hubungan keluarga kekal dan untuk menerima dianugerahkan dengan berkat dan kuasa dari Syurga.

Hari ini kebanyakan kita tidak menghadapi cabaran besar untuk menghadiri Bait Suci. Lapanpuluh peratus dari ahli-ahli gereja tinggal di dalam dua ratus batu dari sebuah Bait Suci, dan untuk ramai orang, kejauhan itu lebih kurang daripada itu. Memang masih ada orang yang

membuat perjalanan jauh dengan korban yang besar, tetapi seperti dikatakan tadi, kami mengharap bahwa semua ahli gereja akan tinggal dekat Bait Suci masa depan.

Jika kamu telah pergi ke bait suci untuk diri kamu sendiri, dan jika kamu tinggal dekat kepada sebuah bait suci, kamu mungkin perlu korban masa kamu untuk melawat bait suci dengan sering. Ada banyak hal yang perlu dilakukan untuk mereka yang menunggu....” Ketika kita melakukan pekerjaan ini bagi mereka, kita akan mengetahui bahwa kita melakukan apa yang mereka tidak boleh melakukan bagi diri sendiri. Presiden bekas Joseph F. Smith, telah menyatakan dengan kuat. “Melalui usaha kita bagi orang mati rantai rantai perbudakan akan dilepaskan daripada mereka. Kegelapan akan dihapuskan dan keterangan akan bersinar pada mereka dan mereka akan mendengar di dunia roh bahwa pekerjaan ini telah dilakukan bagi mereka oleh anak-anak mereka dan mereka akan bersukacita bersama kamu kerana pelaksanaan tugas ini.”<sup>5</sup> Saudari dan Saudara, pekerjaan ini adalah tanggung jawab kita.

Dalam keluarga kita masing masing, pengalaman yang paling khudus dan berharga adalah saat-saat apabila kita telah pergi bait suci bersama untuk melakukan tata-cara pemeteriaan bagi lelehur mati.

Jika kamu belum pergi bait suci sendiri, atau kalau kamu pernah pergi, tetapi tidak untuk masa yang lama atau kalau kamu tidak layak masuk bait suci, maka kamu harus menetapkan tujuan kamu untuk menjadi layak dan pergi bait suci. Korban kamu mungkin adalah usaha kamu untuk menjadi layak untuk menerima recommend, mungkin kamu perlu berhenti kebiasaan yang salah. Kamu mungkin perlu mulai membayar persepuluhan. Mendapat sebuah recommend bait suci kerana hal itu adalah sangat berharga.

Sehingga kamu telah memasuki Rumah Tuhan dan telah menerima semua berkat yang ditunggu kamu di sana, kamu belum mendapat segalanya yang boleh diberikan oleh Gereja ini. Berkat-berkat paling tinggi diterima kerana keahlian dalam Gereja adalah berkat-berkat yang kita menerima di Bait Suci Tuhan.

Kawan muda saya yang sedang remaja, berfokus pada bait suci. Jangan melakukan apa pun yang akan menghalang kamu dari memasuki pintu-pintu bait suci untuk menerima berkat-berkat khudus di sana. Saya bangga kamu yang pergi ke bait suci dengan sering untuk melakukan pembaptisan untuk orang mati, kamu yang bangun awal pagi supaya kamu boleh melakukan pembaptisan-pembaptisan sebelum sekolah. Tiada cara yang lebih baik untuk bermula hari kamu.

Kepada kamu orang tua dari anak kecil, biar saya kongsi nasihat dengan kamu daripada Presiden Kimball. Dia berkata. “Sangat baik kalau orangtua gantung gambar bait suci di bilik tidur anak mereka supaya anak mereka dari masa kecil mereka boleh tengok gambar itu setiap hari sehingga gambar itu menjadi sebahagian dari hidup mereka. Ketika mereka sampai usia bila mereka perlu membuat keputusan yang penting, macam mengenai Bait Suci, keputusan akan sudah dibuat.”<sup>6</sup>

Anak kita menyanyi di pratama:

Saya sayang tengok bait suci,

Saya akan masuk suatu hari,

Saya akan buat perjanjian dengan Bapa,

Saya akan berjanji untuk mematuhi.<sup>7</sup>

Saya memohon agar kamu mengajar anak kamu tentang kepentingan Bait Suci.

Bait suci adalah tempat kedamaian. Itu adalah tempat dari kebaikan hati dan kasih sayang dan terangan. Bait suci akan angkat kamu dan menpersucikan kamu. Bait suci adalah tanda kepada semua orang yang menunjuk kepada kerajaan silestial. Bait Suci adalah rumah Tuhan. Semuanya yang dilakukan di dalam Bait Suci adalah berinspirasi dan memuliakan.

Dunia ini mencabar semua orang dan adalah tempat hidup yang susah. Kita sering kali dikelilingi oleh hal hal yang boleh menghancurkan kita. Ketika kamu dan saya pergi ke Ruman Khudus Tuham kita ingat perjanjian-perjanjian dibuat di sana, kita akan dikuatkan dalam setiap cabaran dan mengatasi setiap godaan. Dalam Bait Suci kita temu kedamaian, kita akan diperbaruhi dan diperkuatkan.

Saudara dan saudari, biar saya bercakap tentang satu Bait Suci lagi sebelum saya tutup. Dalam masa yang akan datang, semasa bait-suci baru dibina, salah satu akan dibina di satu kota yang ditubuhkan dua ribuh lima ratus tahun lepas. Bait suci itu akan dibina di Kota Roma.

Setiap bait suci adalah rumah Tuhan dan memenuhi tujuan yang sama dengan berkat-berkat dan tata-cara tata-cara sama. Bait Suci Roma, sedang dibina di kota bersejarah, suatu kota di mana Petrus dan Paulus telah mengajar injil Kristus dan di mana mereka dibunuh.

Bulan Oktober lepas, ketika kamu berkumpul di suatu medan di Roma utara, saya berpeluang untuk memberi doa dedication dalam persiapan untuk mulai proses pembinaan. Saya telah berasa bahwa saya harus menjemput Walikota Roma Giuseppe Ciardi dan senator Itali Lucio Malan untuk mengambil bahagian dalam upacara untuk memulakan pembinaan. Mereka berdua telah mengambil bahagian dalam keputusan untuk biar sebuah Bait Suci untuk dibina di kota mereka.

Cuaca hari itu mendung, tapi hangat, dan kelihatan seperti hujan akan datang tetapi hanya hujan sedikit telah datang. Paduan Suara menyanyi dalam bahasa Itali lagu “Roh Tuhan”, kami merasa bahwa syurga telah disatukan dengan bumi ketika paduan suara menyanyi lagu pujian dan kesyukuran kepada yang Mahakuasa, Tuhan. Air mata tidak dapat terkawal.

Suatu hari nanti, orang-orang suci di Roma akan menerima tata-cara kekal dalam Rumah Tuhan suci.

Saya menyata kesyukuran saya kepada Bapa Syurgawi atas Bait Suci yang sedang dibina di Roma dan juga atas semua Bait Suci, dimanapun Bait Suci Bait Suci itu terletak. Betapa istimewa adalah setiap dari bangunan ini yang telah disucikan untuk maksud-maksud kekal. Setiap Bait Suci berdiri sebagai tanda kepada dunia, sebuah kenyataan dari kesaksian kita bahwa Tuhan, Bapa kekal kita hidup. Bahwa Beliau ingin memberkati kita dan juga memberkati Anak-anakNya dari setiap generasi. Setiap Bait Suci adalah kenyataan dari kesaksian kita bahwa ada kehidupan selapas mati.

Saya bersaksi kepada semua orang di bawah bunyi suara saya bahwa korban yang paling besar telah dilakukan oleh Anak Allah, yaitu Juruselamat dan Penebus manusia. Beliau menyerahkan nyawaNya bagi dosa-dosa kita. Kerana hadiah itu, kita akan hidup kembali. Juga, kerana hadiah itu kita dapat menikmati kehidupan kekal dan exaltation dalam kerajaan Allah. Semoga semua orang dapat memenuhi syaratnya untuk berkat-berkat ini adalah doa saya, dalam nama Juruselamat dan Penebus—yaitu Tuhan Yesus Kristus. Amin.

#### Catatan-catatan

1. Conference Report, Oct. 1902.
2. Church News, March 13, 1993.
3. See Church News, March 16, 1996.
4. Orson F. Whitney, Life of Heber C. Kimball, (1945), 67--68.
5. Conference Report, Oct. 1916, 6.
6. The Teachings of Spencer W. Kimball, edited by Edward L. Kimball, 301.

7. Janice Kapp Perry, b. 1938, ©1980 by Janice Kapp Perry, Children's Songbook of The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints, 95.